



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

8 Feb 2021 (Isnin)

Berita Harian

Stadium Malawati boleh muat 1,500 pesakit 1

Utusan Malaysia

Sultan lawat Selangor Pewter 2

Tekad besarkan anak sakit tulang rapuh 3

Harian Metro

100 pasangan diminta tampil 4

Boleh muat 1500 pesakit Covid-19 5

Kosmo

Tujuh kluster baharu dilaporkan 6

Pusat penilaian Covid-19 di Stadium Malawati mula hari ini 7

Setia ke hujung nyawa 8

Sinar Harian

Menanti perkhabaran gembira 9

Kajian rintis pengurusan lupus kereta terbiar 10

Berita Harian Online

Stadium Malawati akan dijadikan CAC PKD Petaling 11

hmetro.com.my

Kewibawaan Imam Malik dalam bidang hadis 12

Liputan internet teruk di Sungai Air Tawar 13

Stadium Malawati dijadikan CAC PKD Petaling 14

Terima kasih Menteri Kewangan jenguk kampung kami 15

Malaysiakini (English)

Isinya serius - Zahid ulas 'serangan' warga maya terhadap Muhyiddin 16

Stadium Melawati jadi pusat penilaian Covid-19 17

Selangor TV

Longkang tersumbat di pekan Pelabuhan Klang, MPK tindak 18

Nasi Arab Chef Ammar untuk anak yatim, asnaf DUN Meru 19

Sinar Harian Online

Azmin beri bayangan kekal di Parlimen Gombak 20

Hussamuddin antara tokoh media bincang situasi Covid-19 malam ini 21

Isu capaian internet lemah dalam pengetahuan Tengku Zafrul 22

Kerajaan kaji sistem lupus kereta terbiar 23

LZS bantu tujuh beradik makan mi segera setiap hari 24

Nelayan menanti perkhabaran gembira Menteri 25

Stadium Malawati dijadikan CAC mulai esok 26

Utusan Malaysia Online

CAC Stadium Malawati bermula esok 27

The Star



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



MBSA PAYMENT COUNTERS	28
Stadium turned into Covid-19 testing centre	29
'60% of S'gor roads have 'expired''	30
Routine checks conducted on KL traders	31
Seeking chance to earn some income	32
Crucial for us to work together, says MB	33
The Sun	
Stadium to be Covid assessment centre	34
The Star Online	
Crucial for us to work together, says MB	35
Amirudin: Important for both Federal Govt and Selangor govt to work together to fight Covid-19	36



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 8 February 2021		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Stadium Malawati boleh muat 1,500 pesakit
Muka Surat	:	5

Penularan COVID-19

Stadium Malawati boleh muat 1,500 pesakit

CAC di Dewan MBSJ pindah ke Shah Alam tampung peningkatan kes

Oleh Norzamira Che Noh
 bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Stadium Malawati di Seksyen 13, di sini, akan dijadikan Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) bagi Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Petaling mulai hari ini.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman, berkata stadium itu akan menggantikan CAC PKD Petaling terletak di Dewan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), SS15 sebelum ini.

Beliau berkata, Stadium Malawati dianggarkan boleh memuatkan antara 1,000 hingga 1,500 pesakit.

"CAC di Dewan MBSJ sebelum ini hanya boleh memuatkan maksimum hanya 500 pesakit.

"Susulan peningkatan kes yang semakin tinggi di daerah Petaling



Stadium Malawati Shah Alam dijadikan pusat pemeriksaan pesakit COVID-19 untuk Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Petaling mulai hari ini. (Foto Aziah Azmee/BH)

kita memerlukan tempat yang lebih besar.

"Jadi, kita akan memindahkan CAC PKD Petaling di Subang ke Shah Alam," katanya ketika dihubungi semalam.

CAC Stadium Malawati akan beroperasi dari Isnin hingga Jumaat bermula jam 8 pagi hingga 4 petang, manakala Sabtu jam 8

pagi hingga 12 tengah hari dan tidak beroperasi pada hari Ahad.

Selangor mempunyai 19 CAC di sembilan daerah, masing-masing satu di Petaling, Gombak, Hulu Selangor, Klang, Kuala Langat dan Sepang, manakala dua di Hulu Langat, Kuala Selangor (tiga) dan Sabak Bernam (sembilan).

Terdahulu, satu pesanan menerusi WhatsApp tular dalam kalangan penduduk sekitar Shah Alam yang memaklumkan PKD Petaling akan melakukan pengambilalihan Stadium Malawati untuk dijadikan CAC.

Orang awam dinasihat tidak ke kawasan berkenaan, selain untuk urusan berkaitan saja.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 8 February 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Sultan lawat Selangor Pewter
Muka Surat	:	9

LIPATAN SEJARAH

■ 8 Februari 1979

Sultan lawat Selangor Pewter

SULTAN Selangor, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah mencuba minum dengan bekas pewter ketika melawat ke Kompleks Selangor Pewter di Setapak, Kuala Lumpur bersama Tengku Ampuan Selangor, Tengku Ampuan Rahimah.

Ketibaan baginda berdua yang diiringi Raja Muda dan Raja Puan Muda disambut dengan paluan kompang dari Persatuan Kompang Semangat Baru (PKSB) Kampung Pandan. Sesudah itu, Pengarah Urusan Selangor Pewter, Encik P.K. Yong menyampaikan taklimat ringkas mengenai sejarah pewter dan kemajuan syarikatnya kepada baginda berdua di bilik mesyuarat.





KERATAN AKHBAR

8 February 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Tekad besarkan anak sakit tulang rapuh
Muka Surat	:	33

Tekad besarkan anak sakit tulang rapuh

KUALA SELANGOR: Sepasang suami isteri tekad membesarkan anak mereka yang disahkan menghidap ‘*osteogenesis imperfecta*’ atau tulang rapuh biarpun tidak mengetahui sampai bila jangka hayatnya.

Bagi Nur Rhoshida Rosli, 34, dan suaminya Mohd. Nazri Mohd. Anuar, 36, mereka berdua perlu cekat menjaga anak bongsu mereka, Muhammad Adam Mikail (Adam) berusia setahun, yang hanya mampu terbaring dan bergantung sepenuhnya kepada alat bantuan pernafasan.

Nur Rhoshida berkata, dia pasrah apabila hasil imbasan yang dilakukan di sebuah hospital mendapati beberapa tulang bayi dikandungnya itu patah pada pertengahan 2019.

“Selepas sebulan melahirkannya di Hospital Sungai Buloh pada hujung tahun sama, doktor mengesahkan anak keempat saya menghidap pe-

nyakit tulang rapuh.

“Keadaan ini turut menyebabkan Adam ditempatkan di unit rawatan rapi bayi (NICU) selama empat bulan sebelum dibenarkan pulang,” katanya ketika ditemui di rumahnya di Taman Senohong, Jeram di sini semalam.

Sementara itu, Mohd. Nazri berkata, dia reda dengan ketentuan Allah dan memohon orang ramai supaya mendoakan kesejahteraan anaknya.

“Saya bersyukur kerana menerima bantuan Lembaga Zakat Selangor (LZS) terutama keperluan susu, lampin pakai buang dan kos sewa rumah,” katanya yang berpendapatan RM1,000 sebulan sebagai pembantu kedai.

Orang ramai yang ingin menghulurkan sumbangan boleh menyalurkannya di akaun bank Mohd. Nazri 164306384841 (Maybank) atau hubungi talian 014-9753136.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
8 February 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	100 pasangan diminta tampil
Muka Surat	:	2



PASANGAN DINIKAH 'KADI RM50K' PERLU SERAH DIRI

SAH ATAU TIDAK SAH?

Lebih 100 pasangan yang dinikahkan seorang lelaki di Selangor sejak sebulan lalu perlu tampil ke pejabat Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) bagi memastikan keabsahan pernikahan itu. Andai ia sah, hanya perlu daftar dan bayar denda sebaliknya, jika tidak sah, pasangan perlu berpisah. Itu elemen sedang diteliti Jais. *lapo: Yasmiral Dolah Aling*

Oleh Yasmiral Dolah Aling
 yasmiral@metro.com.my

Kuala Lumpur

“K” alau mahkamah syariah menda-pati pernikahan itu sah, pasangan terbahit perlu mendaftarkan perkahwinan dan membayar denda, jika tidak sah, perkahwinan itu terbatal,” kata Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) Datuk Mohd Shahzihan Ahmad. Beliau berkata demikian bagi mengulas mengenai pernikahan menggunakan

jurunikah tanpa tauliah yang dibongkar Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan Jais apabila menahan seorang bekas kakitangan awam di sebuah premis di Puncak Alam

Shah Alam, Khamis lalu. Mohd Shahzihan berkata, lebih 100 pasangan dinikahkan menggunakan khidmat jurunikah tidak bertauliah itu sejak lebih sebulan lalu diminta tampil segera ke Jais untuk membantu siasatan berkaitan perkara itu. Menurutnya, pihaknya perlu menjalankan siasatan terhadap semua pasangan itu dan mengambil keterangan mereka yang

terbahit bagi menentukan sama ada pernikahan dijalankan sah dari segi syarak atau pun sebaliknya. Katanya, sekiranya didapati pernikahan mereka tidak sah, mereka perlu melakukan proses selanjutnya sama ada bernikah semula atau perlu mengambil tindakan lain.

“Jais melihat kepada dua elemen iaitu perundangan dan juga penentuan hukum. Ini yang kita perlukan mereka tampil. Kita perlu siasat dengan teliti kerana ia membabitkan hukum, bukan boleh main-main,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata, buat masa ini pihaknya memerlukan

kejasama segera daripada semua yang terlibat untuk memurnikan siasatan. “Nikah sindikat seperti ini macam yang kita ketahui tidak sama seperti jurunikah bertauliah, ada kemungkinan maklumat diberi tidak tepat misalnya pernah berkahwin satu, dua atau lebih.

“Kita tak kata pernikahan itu tidak sah dari segi hukum, tetapi mereka perlu tampil untuk diulas,” katanya.

Metro Ahad, semalam melaporkan lelaki yang menawarkan khidmat sebagai jurunikah tidak bertauliah itu mengenakan caj RM1,000 hingga RM5,000 untuk setiap pernikahan dengan alasan ia bergantung kepada penyediaan dokumen. D dilaporkan, lelaki berkenaan yang turut melakukan kegiatan itu bersama isteri dan anaknya pernah ditahan Jais sebelum ini.



“ Kita perlu siasat dengan teliti kerana ia membabitkan hukum, bukan boleh main-main”
 Mohd Shahzihan

Lebih 100 pasangan menantikan oleh jurunikah tidak bertauliah diminta tampil ke Jais untuk membantu siasatan.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

8 February 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Boleh muat 1500 pesakit Covid-19
Muka Surat	:	9

Boleh muat 1,500 pesakit Covid-19

Shah Alam: Stadium Malawati di sini beroperasi sebagai Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) bagi daerah Petaling, mulai hari ini.

Pengarah Kesihatan Selangor Datuk Dr. Shahril Ngadiman berkata, CAC itu menggantikan CAC Dewan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) di SS15 berikutan kapasitinya yang boleh menampung lebih ramai pesakit Covid-19.

"CAC di Dewan MPSJ boleh memuatkan 500 pesakit sehari berbanding CAC di Stadium Malawati yang boleh menampung 1,500 pesakit. Keputusan ini dibuat berikutan jumlah kes baharu di daerah Petaling yang meningkat," katanya, semalam.

Beliau berkata CAC itu beroperasi dari Isnin hingga Sabtu dan ditutup pada Ahad.

"CAC itu memainkan peranan menilai pesakit Covid-19 sebelum menempatkan mereka di hospital, Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) di Serdang atau diarah menjalani kuarantin di rumah," katanya.

Beliau berkata, selain Stadium Malawati, CAC turut beroperasi di lapan daerah lain seperti di Klang, Kuala Selangor, Sabak Bernam, Gombak, Hulu Selangor, Hulu Langat, Sepang dan Kuala Langat.

Sementara itu, tinjauan di Stadium Malawati mendapati petugas Pejabat Kesihatan Daerah Petaling, Majlis Bandaraya Shah Alam dan Jabatan Pertahanan Awam sarak membuat persiapan bagi memastikan operasi CAC berkenaan berjalan lancar.

CAC Stadium Malawati



SUASANA di dalam Stadium Malawati yang beroperasi sebagai Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) bagi daerah Petaling, mulai hari ini ketika tinjauan persiapan di stadium itu, semalam. Pengarah Kesihatan Selangor Datuk Dr. Shahril Ngadiman berkata, CAC itu menggantikan CAC Dewan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) di SS15 berikutan kapasitinya yang boleh menampung lebih ramai pesakit Covid-19. CAC itu memainkan peranan untuk menilai pesakit Covid-19 sebelum menempatkan mereka di hospital, Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) di Serdang atau hanya diarah menjalani kuarantin di rumah.



KERATAN AKHBAR		
8 February 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Tujuh kluster baharu dilaporkan
Muka Surat	:	4

3,731 kes harian, 3,369 pesakit sembuh serta 15 kematian direkodkan

Tujuh kluster baharu dilaporkan

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Kluster melibatkan majlis pengebumian serta perhimpunan keagamaan antara tujuh kluster baharu dikenal pasti semalam, yang antara lain penyumbang kepada 3,731 kes harian Covid-19.

Tujuh kluster baharu yang dilaporkan itu membabitkan tiga kluster berkaitan tempat kerja, dua kluster komuniti serta masing-masing satu kluster keagamaan dan kluster melibatkan kumpulan berisiko tinggi.

Selangor kekal mencatatkan kes baharu tertinggi iaitu sebanyak 1,606 kes dengan 1,025 kes daripada kluster-kluster dan avarangan kurang rapat yang aktif di lapangan, diikuti Johor (499 kes) dan Kuala Lumpur (372 kes).

Terdapat 15 kematian dilaporkan di Selangor, Kuala Lumpur, Sabah, Sarawak, Pulau Pinang, Kedah dan Johor melibatkan lapan lelaki dan tujuh wanita berusia 18 hingga 94 tahun.

Ketua Pengarah Kesihatan,



SEORANG wanita menjalani ujian saringan Covid-19 anjuran kerajaan negeri Selangor di PJS 1, Petaling Jaya semalam. – SHIDDEQIN ZON

Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 81 kluster melaporkan pertambahan, dengan kes tertinggi membabitkan Kluster Industri Serkam (246 kes), Kluster Gudang Salak Tinggi (127 kes) dan Kluster Tapak Bina Lembah Selatan (99 kes).

Menurutnya, kluster baharu yang dilaporkan ialah Kluster Seruas di Beluru dan Miri, Sarawak dengan 59 kes iaitu kes indeks bergejala serta melibatkan satu majlis pengebumian.

"Kluster Lorong Mawar di Hilir Perak, Perak dengan 14 kes iaitu

kes indeks bergejala serta melibatkan satu perhimpunan keagamaan di Teluk Intan.

"Kluster Ampang Campuran di Cheras, Kuala Lumpur dan Hulu Langat, Selangor dengan 14 kes iaitu kes indeks bergejala serta melibatkan penghani dan pekerja sebuah pusat jagaan di Lorong Ikan Jelawat, Kampung Ampang Campuran, Ampang," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, Kluster Tapak Bina Lembah Selatan pula di Sepang melibatkan 222 kes hasil saringan bersasar sebuah tapak binaan di Bandar Baru Lembah Selatan, Dengkil, Sepang.

"Kluster Jalan Bagin dikenal pasti di Sabak Bernam dan Klang dengan 22 kes iaitu kes indeks bergejala, manakala kluster ini melibatkan sebuah pusat pengajian di Jalan Bagan Terap, Kampung Batu 38, Sabak Bernam.

"Selain itu, Kluster Jalan Gangsa Dua di Johor Bahru, Johor dengan 30 kes iaitu hasil saringan bersasar sebuah kilang di Jalan

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes Baharu	3,731
Impor	8
Tempatan	3,723
Pulih	3,369
Kematian	15
Masih dirawat	51,241
Jumlah kes sembuh	190,339
Jumlah Kematian	872
Jumlah kes keseluruhan	242,452

Gangsa, Kawasan Miel, Pasir Gudang," katanya.

Ujarnya, akhir sekali ialah Kluster Taman Segar di Muallim, Perak dengan 16 kes di kesan hasil kes indeks bergejala.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **8 February 2021**

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Pusat penilaian Covid-19 di Stadium Malawati mula hari ini
Muka Surat	:	5

Pusat penilaian Covid-19 di Stadium Malawati mula hari ini

Oleh ABDUL RAZAK IDRIS

SHAH ALAM – Stadium Malawati yang terletak di Seksyen 13 di sini akan beroperasi sebagai Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) bermula hari ini.

Pengarah Kesihatan Selangor, Datuk Dr. Sha'ari Ngadiman berkata, CAC berkenaan akan menggantikan CAC Dewan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) di SS15, Subang Jaya bagi daerah Petaling.

Katanya, pengoperasian itu susulan kapasiti stadium itu yang boleh menampung lebih ramai pesakit Covid-19.

"CAC Stadium Malawati boleh menempatkan sehingga 1,500 pesakit berbanding Dewan MPSJ yang hanya mempunyai kapasiti seramai 500 pesakit sehari.

"Keputusan ini dibuat berikutan jumlah kes baharu di daerah Petaling yang meningkat," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Setakat kelmarin, jumlah kumulatif kes di Petaling mencecah 19,609 merangkumi mukim Bukit Raja, Damansara, Petaling, Sungai Buloh dan penjara.

Kata beliau, CAC berkenaan akan beroperasi dari Isnin hing-

ga Sabtu sahaja dan berperanan menilai pesakit Covid-19 sebelum menempatkan mereka di hospital, Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) di Serdang atau hanya diarahkan menjalani kuarantin di kediaman masing-masing.

"Selain itu, CAC akan menjalankan penilaian dan pelepasan kepada kes positif yang telah melebihi 10 hari.

"CAC juga turut beroperasi di lapan daerah lain seperti di Klang, Kuala Selangor, Sabak Bernam, Gombak, Hulu Selangor, Hulu Langat, Sepang dan Kuala Langat," jelasnya.



STADIUM MALAWATI beroperasi sebagai CAC bermula hari ini menggantikan CAC Dewan MPSJ, Subang Jaya.



KERATAN AKHBAR		
8 February 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Setia ke hujung nyawa
Muka Surat	:	18

Setia ke hujung nyawa

KUALA LANGAT – Kasih sayang seorang isteri tidak berbeza bahagi apabila setia menjaga suaminya yang mempunyai penyakit tiga serangkai lebih lima tahun lalu di Kampung Kebun Bharu Batu 10 di sini.

Rosni Mohd. Kassim, 61, dan suaminya, Sajeri Liwon, 65, yang berkahwin sejak 36 tahun itu tidak dikurniakan zuriat.

Mereka sebelum ini bekerja di sebuah rangkaian pasar raya besar di Kuala Lumpur.

"Suami saya menghidap kencing manis kronik, darah tinggi dan jantung yang menyukarkan pergerakannya dan lebih banyak terbaring di katil.

"Pergerakan saya juga terbatas dan memakai tongkat akibat terjatuh beberapa kali sewaktu bekerja di pasar raya berkenaan 10 tahun lalu.

"Kehidupan memang susah kerana wang simpanan yang ada sudah habis digunakan dan

kini hanya bergantung kepada keprihatinan jiran yang menghulurkan barangan keperluan," katanya semalam.

Rosni berkata, mereka juga bergantung hidup kepada bantuan bulanan RM250 daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Katanya, keadaan kesihatan yang tidak memberangsangkan menyebabkan mereka lebih berada di rumah.

"Ini dugaan hidup kami, saya akan terus menjaga suami sehingga hujung nyawa," ujarinya.

Sementara itu, Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Langat, Dr. Abdul Razak Khasbullah yang melawat pasangan itu telah menyumbangkan katil dan barangan keperluan harian kepada mereka.

Orang ramai yang ingin membantu boleh membuat sumbangan melalui akaun Maybank **162115034533** atas nama Sajeri.



ROSNI (kiri) dan suaminya (tengah) dikunjungi Abdul Razak di rumah mereka di Kampung Kebun Bharu Batu 10, Kuala Langat semalam.



KERATAN AKHBAR		
8 February 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Menanti perkhabaran gembira
Muka Surat	:	24

Menanti perkhabaran gembira

Susulan lawatan Menteri Kewangan

Oleh MOHD IZZATUL IZZIAN
 TAHIR

SARAK BERNAM

Nelayan di **JETI UZUR** Kampung Simpang Empat Bagan Nakhoda Omar (BNO) berharap perkhabaran gembira mengenai naik taraf jeti uzur selepas kunjungan Menteri Kewangan, Senator Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz ke jeti itu pada Ahad.

Ketua Komuniti Nelayan BNO, Mohd Fadli Rusni berkata, lantai jeti nelayan pesisir pantai yang dibina pada tahun 1984 itu semakin mereput dan berbahaya jika tidak diperbaiki.

Malah katanya, sebahagian

jetinya konkrit dibina 2012 tersebut pernah runtuh sepanjang enam meter.

Menurutnya, Tengku Zafrul meluangkan masa kira-kira 10 minit mendengar keluhan nelayan berjanji untuk menyalurkan peruntukan bagi kerja-kerja baik pulih jeti itu.

"Pada masa ini, terdapat 60 nelayan termasuk pengusaha kebun kerang menggunakan jeti bagi mendaratkan hasil laut selain membawa barang seperti petrol dan alat menangkap ikan," kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Beliau berharap, tindakan segera dapat dilakukan bagi memastikan keselamatan nelayan yang menggunakan kemudahan itu setiap hari.

Selain itu katanya, beliau turut memaklumkan kepada Tengku Zafrul berhubung projek kebun kerang seluas 50 hektar diusahakan kira-kira 24 penternak di kawasan terbabit.



Tengku Zafrul (dua dari kiri) mendengar pemerhatian Mohd Fadli (dua dari kanan) pada lawatannya ke Jeti Nelayan Kampung Simpang Empat BNO pada Ahad.

"Penternak kerang di sini mampu menaikkan sebanyak 100 tan metrik kerang dewasa bagi setiap lot pada setiap musim," katanya.

Tengku Zafrul mengadakan lawatan kerja ke 10 tempat di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Air Tawar.

Sementara itu, isu capaian

internet yang kurang memuaskan di DUN Sungai Air Tawar turut dibawa ke pengetahuan Tengku Zafrul.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Air Tawar, Datuk Rizam Ismail berkata, masalah penebusan jalur lebar sehingga menyukarkan pelaksanaan Pengajaran dan pembela-

jaran di Rumah (PDR) itu dijangka akan dibawa Tengku Zafrul ke peringkat kementerian.

"Saya yakin Tengku Zafrul memandang serius isu capaian internet yang kurang memuaskan dan akan berusaha memastikan masalah ini dapat diatasi sepenuhnya," katanya.



KERATAN AKHBAR
8 February 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kajian rintis pengurusan lupus kereta terbiar
Muka Surat	:	29

Kajian rintis pengurusan lupus kereta terbiar

PANGKOR - Kerajaan akan melaksanakan satu kajian rintis selama enam bulan bagi memantapkan sistem pengurusan pelupusan kereta terbiar dan mencari kaedah pelaksanaan terbaik bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk melupuskan kereta usang.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Zuraida Kamaruddin berkata, sebagai permulaan kajian rintis itu akan melibatkan sebanyak lima PBT dan setakat ini tiga PBT telah dipilih iaitu Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK) manakala selebihnya sedang dikenal pasti.

“Lima PBT ini akan dijadikan contoh untuk kajian rintis dan dalam sebulan ini mereka akan merancang prosedur operasi standard (SOP) dan sebagainya termasuk dari segi kaedah prosesnya untuk tempoh enam



Zuraida (tengah) mendengar penerangan Ketua Pengurusan Fasiliti Sisa Pepejal Alam Flora, Mohd Norazizi Zakaria (kiri) pada Ahad.

bulan nanti,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan kemudahan Pusat Kecemerlangan pertama di dalam negara bagi pengendalian sisa pepejal di kendalian Alam Flora Environmental Solutions di Loji Insinerator Pulau

Pangkor pada Ahad.

Zuraida berkata, kaedah pelupusan kereta usang yang baik diperlukan bagi mengurangkan perbelanjaan PBT kerana mereka tidak perlu menyewa tapak bagi menempatkan kereta buruk dan tersadai yang ditarik pihak mereka. - Bernama



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 7 February 2021		
Akhbar	:	hmetro.com.my
Tajuk Berita	:	Kewibawaan Imam Malik dalam bidang hadis
Muka Surat	:	-





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 7 February 2021

Akhbar	:	hmetro.com.my
Tajuk Berita	:	Liputan internet teruk di Sungai Air Tawar
Muka Surat	:	-





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 7 February 2021

Akhbar	:	hmetro.com.my
Tajuk Berita	:	Stadium Malawati dijadikan CAC PKD Petaling
Muka Surat	:	-





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 7 February 2021

Akhbar	:	hmetro.com.my
Tajuk Berita	:	Terima kasih Menteri Kewangan jenguk kampung kami
Muka Surat	:	-



Terima kasih Menteri Kewangan jenguk kampung kami



Terima kasih Menteri Kewangan jenguk kampung kami





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 7 February 2021		
Akhbar	:	Malaysiakini (English)
Tajuk Berita	:	Isinya serius - Zahid ulas 'serangan' warga maya terhadap Muhyiddin
Muka Surat	:	-





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
7 February 2021		
Akhbar	:	Malaysiakini (English)
Tajuk Berita	:	Stadium Melawati jadi pusat penilaian Covid-19
Muka Surat	:	-





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
7 February 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Longkang tersumbat di pekan Pelabuhan Klang, MPK tindak
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
